

24/02/2001

MIC mahu mohon tambah jawatan menteri

KUALA LUMPUR, Jumaat - MIC akan membuat permohonan bertulis kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mempertimbangkan menambah masing-masing satu jawatan bertaraf menteri penuh dan setiausaha parlimen.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau pernah membangkitkan perkara itu selepas pilihan raya umum yang lalu.

"Satu daripada jawatan yang kita minta dulu ialah menteri penuh manakala satu lagi ialah setiausaha parlimen untuk Wanita MIC.

"Bagaimanapun, permintaan kita pada ketika itu tidak dilayan. Mungkin ketika itu selepas pilihan raya dan banyak parti lain membuat pelbagai permintaan.

"Apapun, kita akan tulis sekali lagi kepada Perdana Menteri," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC di ibu pejabat parti itu di sini, hari ini.

MIC pernah berharap mendapat sekurang-kurangnya dua lagi jawatan timbalan menteri dalam Kabinet baru berikutan kemenangan 100 peratus semua calonnya pada pilihan raya umum ke-10.

Dalam pilihan raya umum ke-10, semua tujuh calon MIC bagi kerusi Parlimen dan 15 calon Dewan Undangan Negeri (DUN) menang semua kerusi.

MIC kini mempunyai seorang menteri, dua timbalan menteri dan dua setiausaha parlimen.

Mereka ialah Samy Vellu sebagai Menteri Kerja Raya; Datuk S Subramaniam (Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna); Datuk G Palanivel (Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar); S Sothinathan (Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan) dan P Verrasingamal Suppiah (Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat).

(END)